

23 JUN 1997

TAJUDDIN DIJANGKA DICALONKAN SEBAGAI PRESIDEN NCCIM

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Anggota jawatankuasa kerja Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) dijangka mencalonkan presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia yang baru dilantik, Tan Sri Tajuddin Ramli, sebagai presiden kelimanya Julai ini.

Pengarah eksekutif NCCIM Adnan Ariffin hari ini berkata pada mesyuarat jawatankuasa kerjanya Julai ini, dewan tersebut berkemungkinan besar akan mencalonkan pengerusi Penerbangan Malaysia itu untuk memegang jawatan yang sebelum ini disandang oleh Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad.

Allahyarham Yahaya, bekas pengerusi DRB-Hicom serta isterinya Puan Sri Rohana Osman, terbunuh dalam nahas helikopter di Kuala Lipis pada 3 Mac tahun ini yang turut mengorbankan juruterbang pesawat berkenaan Allahyarham Mej (B) Azlizan Abdul Manas.

"Kami akan bermesyuarat Julai ini dan tarikhnya bergantung kepada masa yang boleh diluahkan oleh Tan Sri Tajuddin dan anggota jawatankuasa kerja lain," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri persidangan berita mengenai Persidangan Koridor Raya Multimedia (MSC) serta peluang serta usahawan siber di sini.

Mengikut tradisi, presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia secara automatik menjadi presiden NCCIM. Pencalonan yang dibuat adalah semata-mata untuk tujuan merasmikan pemilihan.

Menurut Adnan persidangan mengenai MSC itu adalah idea Allahyarham Tan Sri Yahaya yang bertujuan memberi lebih banyak pendedahan dan kefahaman kepada usahawan kecil dan sederhana mengenai cara-cara untuk melibatkan diri dan mendapat manfaat daripada MSC.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan persidangan dua hari itu yang akan memperkatakan mengenai peluang-peluang pelaburan yang ditawarkan oleh MSC kepada para usahawan 14 Ogos ini.

Antara lain, persidangan itu akan membincangkan perkara berhubung undang-undang siber, galakan dan kegiatan perniagaan baru seperti perbankan siber.

Peserta juga akan diberi penerangan mengenai cara-cara untuk mendapatkan modal bagi menubuhkan syarikat MSC.

Persidangan tersebut dianjurkan bersama oleh Telekom Malaysia, DPIK dan Akademi TV3. -- BERNAMA

NI/NY DIN/sia